

DIALEKTOLOGI BAHASA BUGIS DI SABAH

Noor Aina Dani

Abstrak

Data kajian ini dikutip di daerah Tawau, Sabah kerana masyarakat Bugis yang berhijrah ke Sabah dari Pulau Sulawesi Selatan telah lama bermastautin di daerah Tawau. Bahasa Bugis masih digunakan oleh masyarakat Bugis di daerah tersebut. Bangsa Bugis ialah bangsa yang bertamadun kerana mempunyai tulisan tangan mereka sendiri yang dinamakan *Lontara*. Orang Bugis di daerah Tawau menghubungkan kelahiran tulisan tangan mereka dengan *I La Galigo*, iaitu puisi agung yang diilhamkan daripada legenda Bugis. Namun, dalam kehidupan sebenar, bahasa Bugis ditentukan oleh ciri bunyi yang ada di sekitarnya. Kewujudan alomorf membuktikan hal ini. Golongan kata yang utama dalam bahasa Bugis ialah kata nama, kata kerja, dan kata adjektif, serupa dengan yang ada pada bahasa Melayu.

Abstract

This data was collected in Tawau district of Sabah due to the fact that the Bugis community who migrated to Sabah from South Sulawesi Island had settled in the district a long time ago. Today, the Bugis language is still used by the Bugis community in that particular district. The Bugis people rise from a civilized race. They have their own writing script which they named Lontara. The Bugis people of Tawau district relate the birth of their writing script with that of I La Galigo, a poem inspired by the Bugis legend. However, in reality the Bugis language is determined by its surrounding sound features. It is proven by the existence of allomorph. The main word class in the Bugis language consists of noun, verb, and adjective, which is identical with that of a Malay language.

PENDAHULUAN

Dialektologi ialah cabang linguistik yang mempelajari variasi-variasi bahasa dengan memperlakukannya sebagai struktur yang utuh (Harimurti Kridalaksana, 1993: 42). Dengan mengambil kira definisi ini, dialektologi bahasa Bugis di Sabah yang penulis maksudkan ialah tulisan, alomorf, dan golongan kata utama sebagai struktur yang utuh dalam bahasa tersebut.

Bahasa Bugis di Sabah

Data kajian ini dikutip di daerah Tawau, Sabah. Bahasa Bugis masih dituturkan oleh masyarakat berketurunan Bugis di negeri Sabah. Mereka berhijrah ke Sabah sejak beberapa kurun yang lalu kerana tekanan penjajah, keadaan ekonomi yang tidak stabil, berniaga, atau mencari pekerjaan. Kebanyakan masyarakat Bugis menetap di persisiran pantai dan bekerja sebagai nelayan atau peniaga kecil-kecilan, buruh binaan, pekerja ladang, pekerja kilang papan, dan ada juga yang bekerja di kawasan pembalakan. Di Sabah, masyarakat Bugis menetap di Tawau, Kunak, Lahad Datu, Sandakan, dan sebilangan kecil di Kota Kinabalu.

Masyarakat Bugis yang berhijrah ke Sabah dari Pulau Sulawesi Selatan telah lama bermastautin di Tawau. Dari segi geografi, daerah Tawau terletak di sebelah pantai timur Sabah dan berjiran dengan tempat asal orang Bugis, iaitu Pulau Sulawesi Selatan, Indonesia. Hubungan mereka dengan tanah tumpah darah yang asal bertambah erat dengan pengisytiharan Kota Kembar Tawau (Sabah) dengan Pare-pare (Sulawesi Selatan) pada 20 Julai 1991. Pewujudan kota kembar ini bertujuan untuk menjalinkan hubungan kerjasama antara kedua-dua belah pihak. Secara keseluruhan, kepadatan penduduk di daerah Tawau dianggarkan seramai 200 000 orang, yang terdiri daripada pelbagai keturunan dan bangsa. Daerah Tawau juga dikenali sebagai, "Bumi Peladang" kerana sumber utama keluaran daerah ini ialah hasil pertanian seperti kelapa sawit, getah, koko, dan kelapa.


Bahasa Bugis boleh dibahagikan kepada beberapa dialek mengikut tempat leluhur orang Bugis di Sulawesi Selatan. Antara dialek tersebut ialah Luwu (Palopo), Makassar, Rappang, Wajuk, dan Indrekan (Ibrahim Ahmad, 1975). Bahasa Bugis masih digunakan dalam pertuturan harian masyarakat Bugis di Sabah. Bahasa Melayu pula dituturkan sebagai bahasa kedua.

Mengikut Mohd Yusuf Md. Noor (1997), terdapat dua tahap migrasi orang Bugis dari tanah tumpah darah mereka di Pulau Sulawesi Selatan. Pertama, migrasi pada pertengahan kurun ke-16 akibat tekanan penjajah. Peristiwa ini berlaku selepas kemusnahan perdagangan rempah di Maluku

yang pernah dikuasai oleh orang Belanda. Orang Bugis kehilangan punca pendapatan. Akhirnya mereka terpaksa berpindah ke Tanah Melayu, iaitu Selangor dan Johor dengan menggunakan perahu-perahu kecil yang berpendayung. Pada mulanya mereka hanya bertani. Namun, dengan kedatangan Bugis lima bersaudara, iaitu Daeng Marewah, Daeng Celak, Daeng Parani, Daeng Menambun, dan Daeng Kamase, berlaku perubahan ke atas kedudukan kaum Bugis. Mereka terlibat secara langsung dalam sistem politik di Tanah Melayu, khususnya politik negeri Johor hingga mereka dilantik menjadi pemerintah Riau. Mereka kemudian meluaskan kuasa pemerintahan ke negeri-negeri bijih timah seperti Perak dan Selangor serta menubuhkan kerajaan sendiri di Selangor.

Migrasi yang kedua berlaku pada sekitar tahun lima puluhan akibat tekanan ekonomi yang memaksa mereka mencari nafkah di tempat yang lebih selamat. Sebenarnya, banyak faktor yang mendesak mereka untuk berhijrah ke tempat lain. Pada masa itu, Sulawesi mengalami kemiskinan dan gejala sosial yang berleluasa. Pada masa yang sama, terdapat faktor tarikan di Tanah Melayu, seperti pembukaan tanah-tanah baharu serta peluang pekerjaan yang lebih menjamin masa depan. Oleh itu, gelombang perpindahan yang kedua berlaku dengan pesat. Sebagai contoh, bilangan masyarakat Bugis dan Jawa pada tahun 1894 di negeri Johor dianggarkan kira-kira 30 000 orang. Di Sabah, orang-orang Bugis datang kerana permintaan tenaga buruh daripada pemerintah British untuk mengusahakan ladang-ladang getah yang mendatangkan hasil yang lumayan pada ketika itu. Permintaan tenaga buruh semakin tinggi sehingga tidak dapat ditampung oleh penduduk tempatan (Mills, 1975). Orang Bugis yang datang ke Sabah diterima dengan baik oleh masyarakat peribumi.

Bahasa Bugis merupakan salah satu daripada bahasa Nusantara yang termasuk dalam rumpun Austronesia kumpulan Indonesia tengah. Hal ini dibuktikan berdasarkan sifatnya yang sama dengan kebanyakan bahasa lain yang sekelompok dengannya, dan merupakan salah satu bahasa yang dituturkan oleh penduduk di Sulawesi Selatan (Ibrahim Ahmad, 1975). Mengikut klasifikasi Smith (1983), terdapat dua filum penduduk peribumi Sabah, iaitu Indo-Eropah dan Austronesia. Dalam filum Austronesia terdapat tiga rumpun utama, iaitu bahasa Butung, bahasa Jawa, dan bahasa Austronesia Barat Laut seperti yang tertara pada Rajah 1. Rumpun utama Austronesia Barat Laut diwakili oleh bahasa Suluk, keluarga Melayu, Bugis, dan rumpun Borneo. Di Sabah, subkeluarga Bugis tertumpu di kawasan pantai timur, iaitu daerah Tawau, Kunak, Lahad Datu, dan Sandakan. Mereka ini berasal dari Pulau Sulawesi Selatan.



Rajah 1 Rumpun utama dalam filum Austronesia di Sabah.
Sumber: Smith (1984).


Tulisan Orang Bugis

Bangsa Bugis ialah bangsa yang bertamadun kerana mempunyai tulisan tangan yang tersendiri. Tulisan tangan Bugis terdiri daripada 23 huruf. Tidak seperti tulisan Jawi (Melayu) yang mencontohi bahasa Arab, tulisan Bugis dinamakan *Lontara* seperti yang tertara di bawah:

//	↘	λ	↗	↖	∨	∧	∇	△	↗
ka	ga	ŋa	pa	ba	ma	ta	da	na	ŋa
[ka]	[ga]	[ŋa]	[pa]	[ba]	[ma]	[ta]	[da]	[na]	
↗	↘	↗	↘	↖	↗	↘	◇	↘	↘
dja	nja	ŋja	ya	ra	la	wa	sa	a	ha
			[ja]	[ra]	[la]	[wa]	[sa]	[a]	[ha]
∧	↘	↘							
nka	mpa	nra							
[nka]	[mpa]	[nra]							

Sumber: <http://geekprime.com/2005/01/07>

Contoh Tulisan tangan *Lontara*:




Sumber: <http://www.omniglot.com/...../2006/4/21>

Lontara yang digunakan oleh orang Bugis di Tawau, Sabah ialah adukan *lontara* Bugis dan beberapa konsonan Makassar, yang kedua-duanya berasal daripada tulisan tangan Brahmi (India kuno). Nama *lontara* diambil daripada perkataan Melayu, sejenis pokok nipah yang dikenali sebagai *lontar*. Daun pokok nipah ini digunakan secara tradisional sebagai bahan untuk menulis manuskrip di India, Asia Tenggara, dan Indonesia.

Orang Bugis di daerah Tawau menghubungkan kelahiran tulisan tangan mereka dengan *I La Galigo*, iaitu puisi agung yang diilhamkan daripada legenda Bugis. Mengikut catatan Muhammad Salim dan Sapardi Djoko Damono (2006), *I La Galigo* turut dikenali sebagai *Sureg Galigo* atau *Sureg Seleang*. Kelahiran tulisan tersebut mempunyai pertalian dengan mitos Bugis yang mengisahkan kehidupan Datu Patoto, yang dikenali juga sebagai Batara Guru, termasuk kisah keluarga dan nenek moyang orang Bugis. Tulisan ini dianggap oleh pakar tulisan kuno di Kepulauan Indonesia sebagai salah satu daripada yang terbaik di dunia kerana melangkau isu yang luas tentang kemanusiaan dan isu kesusasteraan klasik India serta Greek, seperti Mahabharata oleh Valmiki dan Odyssey oleh Homer. Teks *I La Galigo* terdiri daripada 300 000 baris, yang ternyata lebih panjang daripada 200 000 baris puisi Mahabharata serta dibahagikan kepada beberapa *tereng* atau peristiwa. Peristiwa yang paling diingati oleh orang Bugis ialah perkahwinan Sawerigading dengan puteri I We Cudai. Daripada kesatuan ini, lahirlah teks yang dinamai, *I La Galigo*. Teras tulisan *I La Galigo* memaparkan buah fikiran orang Bugis mengenai kosmologi yang membahagikan dunia kepada tiga ruang: langit, bumi, dan bawah tanah. Dengan menggunakan watak-watak dalam cerita, teks ini mengutamakan kewujudan hubungan yang kompleks antara tiga ruang tersebut. Kononnya, sewaktu dunia masih kosong, yakni sebelum dunia dihuni oleh manusia,

Tuhan di langit telah menghantar Batara Guru, seorang dewa, turun ke Mayapada untuk mencipta manusia. Cerita bermula dengan idea tentang proses penciptaan. Untuk mendapatkan keturunan, Batara Guru mengahwini sepupunya, We Nyilik Timo, yang berasal dari bawah tanah. Di sini terpancar kaitan antara udara, bumi dan air melalui ikatan perkahwinan daripada tiga kerajaan. Gambaran kasar tentang kewujudan puisi kelahiran *I La Galigo* terdapat pada paparan yang berikut:








Sumber: <http://www.balipurpurnati.com...../19/4/2006>

<p>Prolog: Doa Bissu</p>	<p>Prologue: The Shaman's Prayer</p>
<p>Wahai, Dewa, Guru Mahazaha yang tinggal di Langit. Seringka bukan petaka, remang tak bisa dicih dim sambalike peda langit, pada bumi, remang tak heliro ucapnake.</p>	<p>Give praise to God, to The One Most Honoring, who resides in Heaven. I pray that my prayers and offerings, to the earth and to the sky, are well received, just as they are intended and that my words are not misapoken.</p>
<p>Di siang terang brightan pun suram by danda laam, menjelma pengetahuan di bawah langit, di atas bumi.</p>	<p>On a day so bright You descended to this world of ours, transferring knowledge on this earth, beneath the sky.</p>

Sumber: <http://www.balipurpurnati.com...../19/4/2006>

Tulisan tangan Bugis yang disusun beberapa kali boleh menjadi satu ayat yang mempunyai makna. Sebagai contoh, alomorf *ka-* yang berbunyi [a]. Manakala contoh ayatnya ialah, “*ka ka ka ka ka ka ka*” yang bermaksud, “Saya ketawa terbahak-bahak abang/kakak”.

Bahasa Bugis juga mempunyai bunyi vokal dan konsonan yang tersendiri. Konsonan bahasa Bugis yang sering digunakan dalam ayat atau percakapan ialah *ngka*, *mpa*, *nra*, dan *ngca*. Vokal (*a*, *e*, *e'*, *i*, *o*, dan *u*) dapat dibezakan dengan meletakkan tanda titik (.) dan bentuk seperti (L) padanya. Sebagai contoh *ke'*, *ke*, *ko'*, *ki*, dan *ku*.

				
ké	ke	kó	ki	ku
[ke]	[kə]	[ko]	[ki]	[ku]

Seseorang yang hanya mengenali huruf bahasa Bugis tetapi tidak fasih berbahasa Bugis, dan tidak dapat membaca hurufnya dengan betul, tidak boleh dikatakan pandai berbahasa Bugis. Sekiranya seseorang tersalah baca atau cakap, maka orang yang mendengar percakapannya, sama ada akan marah atau ketawa. Misalnya:

Natarimai Ali bolana

Surat ini diterima oleh si Ali.

Natarimai alliri bolana

Surat ini diterima oleh tiang rumah.

Kebanyakan generasi muda masyarakat Bugis tidak fasih berbahasa Bugis kerana faktor penerimaan bahasa Melayu yang telah meresap masuk ke dalam masyarakat Bugis melalui pendidikan formal dan pengaruh media massa.

Konsep Alomorf dan Golongan Kata

Alomorf ialah morfem dalam penggunaannya yang sebenar. Sesuatu morfem sekurang-kurangnya mempunyai satu alomorf. Tidak ada morfem yang tidak mempunyai alomorf. Dalam bahasa Melayu, morfem awalan *di-* mempunyai satu alomorf, sedangkan *me-* mempunyai enam. Mengikut Asmah Haji Omar (1986:11), alomorf bagi sesuatu morfem tertentu mesti mempunyai ciri-ciri yang berikut:

- i. Ciri fonologis yang hampir sama: lihat alomorf-alomorf untuk *me-* yang hampir sama, sedangkan *ber-* dan *me-* tidak boleh merupakan alomorf daripada satu morfem kerana terlalu berbeza antara keduanya dari segi fonologi.
- ii. Fungsi yang sama: maksudnya, jika satu alomorf berfungsi pada golongan nama, maka yang lainnya juga seharusnya mempunyai fungsi yang sama.
- iii. Bagi alomorf lingkungan: saling menyisihkan dalam penyebarannya; misalnya: *mem-* tidak boleh menggantikan *meng-* pada *menggaji*, *mengaji* atau *mengkaji*. Masing-masing *mem-* dan *meng-* mempunyai kawasan penyebaran tersendiri yang tidak boleh dimasuki oleh yang lain.

Golongan kata dalam bahasa Melayu terbahagi kepada empat, iaitu kata nama, kata kerja, kata adjektif, dan kata tugas. Dalam bahasa Bugis, golongan kata yang utama ialah kata nama, kata kerja, dan kata adjektif. Sama seperti dalam bahasa Melayu; kata nama, kata kerja, dan kata adjektif bahasa Bugis menjadi inti bagi frasa-frasa utama ayat, iaitu frasa nama, frasa kerja, dan frasa adjektif. Selain tiga golongan kata utama ini, tidak terdapat lagi perkataan-perkataan yang boleh menjadi inti bagi mana-mana frasa utama. Bahkan perkataan-perkataan yang lain masuk ke dalam binaan frasa, klausa, dan ayat melalui perhubungannya dengan perkataan-perkataan lain dalam tiga golongan ini, ataupun berhubung dengan binaan frasa dan klausa secara langsung. Oleh itu perkataan-perkataan, selain tiga golongan kata utama itu, boleh dikelompokkan ke dalam satu golongan kata secara kolektif, iaitu kata tugas yang bersifat heterogen (Nik Safiah Karim, 1996:85).

Alomorf dalam Bahasa Bugis

Terdahulu telah dijelaskan bahawa alomorf ialah morfem dalam penggunaannya yang sebenar. Sesuatu morfem sekurang-kurangnya mempunyai satu alomorf. Tidak ada morfem yang tidak mempunyai alomorf. Alomorf bagi sesuatu morfem tertentu dalam bahasa Bugis mempunyai ciri-ciri yang berikut:

- i. Ciri fonologis yang hampir sama: lihat alomorf-alomorf untuk *ka-* yang hampir sama, iaitu *ka*, *ke*, *ki*, *ku*, sedangkan *ta-* dan *ka-* tidak boleh merupakan alomorf dari satu morfem kerana terlalu berbeza antara keduanya dari segi fonologi.

1. *ka-*
- 1.a *ka*
makandre bolana
Terbakar rumahnya.
- 1.b *ke*
makkedo-kedo ěnningna
Bergerak-gerak keningnya.
- 1.c *ki*
makkidang annyarangna
Menendang kudanya.
- 1.d *ko*
měkkono cinampě
Diam kau sebentar.

- ii. Fungsi yang sama: maksudnya, jika satu alomorf berfungsi pada golongan kata kerja, maka yang lainnya juga seharusnya mempunyai fungsi yang sama.

Contohnya:

makandre	terbakar
makkedo-kedo	bergerak-gerak
makkidang	menendang
měkkono	diam
makutanai	bertanya

Jika satu alomorf berfungsi pada golongan kata adjektif, maka yang lain juga seharusnya mempunyai fungsi yang sama.

- 1.e *kě*
makěpok otona
Kemik keretanya.
- 1.f *ko*
marakkoniga lipa?
Keringkah sudah sarung?
- 1.g *ku*
ajako makuttu
Jangan kau malas.

- iii. Bagi alomorf lingkungan: saling menyisihkan dalam penyebarannya; misalnya: *ka-* tidak boleh menggantikan *ke* pada *makkedo-kedo*. Masing-masing *ka* dan *ke* mempunyai kawasan penyebaran tersendiri yang tidak boleh dimasuki oleh yang lain.

2. *ta-*

Alomorf *ta-* berfungsi pada partikel *-lah*.

2a. *ta*

talokkana matindro
Pergilah kita tidur.

taddam pëngëngnga puwang
Maafkanlah saya tuan.

2b. *tě*

těnna podo malampe' sungkku
Mudah-mudahan usiaku panjang.

2c. *ti*

tiwi rekka mai anakku
Bawakanlah ke mari anakku.

2d. *tu*

turusi bawangngi aga nakke'lo ri
Ikutlah saja apa kemahuannya.

3. *da-*

Alomorf *da-* berfungsi pada kata adjektif.

3.a *da*

muddani laddě ambommu
Rindu sangat bapamu.

3.b *dě*

maladdě sěnnakko mabbicara
Terlampau kuat awak berbicara.

3.c *de*

ěngkani kuwita denre
Sudah ada kulihat tadi.

3.d *di*

idimmi urěnnuwang
Kita saja saya harapkan.

- 3.e *do*
měcěňning laddě dodorommu
 Sangat manis kuih dodolmu.
4. *je-*
 Alomorf *ja-* berfungsi pada kata tanya.
- 4.a *je*
purano ga majenne ?
 Sudahkah engkau berwuduk?
- 4.b *ji*
ippannapo me'nre' haji?
 Bilakah kau naik haji?
5. *rě*
 Alomorf *rě-* berfungsi pada kata kerja.
- 5.a *rě*
minrěngka doi ri banknge
 Pinjam saya wang di bank.
- 5.b *re*
purano ga manre ele?
 Sudahkah engkau makan pagi?
- 5.c *ri*
riwe'lai rilakkainna
 Dia ditinggalkan oleh suaminya.
6. *la-*
 Alomorf *la-* berfungsi pada kata adjektif atau kata kerja.
- 6.a *la*
malampe ajunna
 Panjang kayunya.
- 6.b *le*
leppanni mai ribolac
 Singgah ke mari di rumah.
- 6.c *lo*
loronni lopie noktasic
 Turunkan perahu itu ke laut.

- 6.d *lu*
malupuka, ěngka nandre?
Lapar saya, ada nasi?

Terdapat juga alomorf yang ditentukan oleh ciri bunyi dua turutan konsonan diikuti dengan vokal *a*, yaitu *ngka*, *mpa*, *nra*, dan *ngca*. Alomorf bahasa Bugis jenis ini sering digunakan dalam ayat atau percakapan. Yang berikut ialah contoh ayat yang mudah difahami dan sering digunakan dalam pertuturan masyarakat Bugis di Sabah.

7. *ngka*
mangkalingaka sĕni tĕrriko
Mendengar saya semalam kau menangis.
8. *mpa*
annyarang lampa natikkĕng dae'ngku
Kuda liar ditangkap abangku.
9. *nra*
mĕnrasani pĕddina
Rasai sakitnya.
10. *ngca*
latokku macca mammĕngca
Datukku pandai bermain pencak silat.

GOLONGAN KATA BAHASA BUGIS

Bidang morfologi merupakan satu bidang dalam kajian bahasa yang mengkaji perkataan dan cara pembentukan perkataan. Dalam makalah ini, penulis hanya memaparkan golongan kata bahasa Bugis yang utama. Daripada penelitian penulis, golongan kata yang besar dalam bahasa Bugis ialah kata nama, kata kerja, dan kata adjektif.

Kata Nama

Golongan kata nama bermaksud sejumlah perkataan yang boleh menjadi unsur inti pada binaan frasa nama dan kata ini menamakan orang, tempat atau benda. Golongan kata dapat dipecahkan kepada kata nama am, kata nama khas, dan kata ganti nama.

Kata Nama Am

Kata nama am ialah perkataan yang merujuk benda, perkara atau konsep yang umum sifatnya. Dalam bahasa Bugis, kata nama am dapat dibahagikan kepada beberapa yang berikut:

1. Kata nama am berkenaan dengan tubuh badan.

Contoh: *timu*
mulut
aje'
kaki
poppang
paha
uttu
lutut
ulu
kepala
inge'
hidung

2. Kata nama am berkenaan dengan waktu.

Contoh: *e'le'*
pagi
arawing
petang
wenni
malam
mapettang
gelap
esso
hari
mapajang
terang

3. Kata nama am berkenaan dengan tumbuh-tumbuhan.

Contoh: *kaluku*

kelapa
utti
pisang
pao
mangga
lesse'
langsar
ukkaju
sayur
lame aju
ubi kayu

4. Kata nama am berkenaan dengan arah mata angin.

Contoh: *orai*
barar
alau
timur
manorang
utara
maniyang
selatan

Kata Nama Khas

Kata nama khas ialah kata yang merujuk nama sesuatu benda yang khusus dan ejaannya pula berpangalkan huruf besar. Kata nama khas ini dapat dibahagikan kepada dua kumpulan, iaitu kata nama khas hidup dan tak hidup. Kata nama khas hidup pula dapat dibahagikan kepada dua, iaitu kata nama khas manusia dan bukan manusia. Masyarakat Bugis mempunyai nama khas untuk manusia yang melambangkan identiti Bugis. Antaranya:

1. Kata nama khas manusia.

Contoh: *Bacho*
Bacho
Běche
Beche

Indok Tang
Indok Tang
Ambo Tang
Ambo Tang

2. Kata nama khas bukan manusia.

Contoh: *Me'ong*
Kucing
Manuk
Ayam
Asu
Anjing
Bale'
Ikan
Be'mbe'
Kambing
Manuk-Manuk
Burung
Annyarang
Kuda
Tedong
Kerbau

3. Kata nama khas tak hidup.

Contoh: *Botolo*
Botol
Bola
Rumah
Oto
Kereta
Sapeda
Basikal
Lopi
Perahu

Kata Ganti Nama

Kata ganti nama yang diutarakan di sini ialah kata ganti nama orang, yang dapat dibahagikan kepada tiga, iaitu kata ganti nama diri pertama, kedua, dan ketiga.

a. Kata Ganti Nama Diri Pertama

Contoh: *iyya*
 saya, aku, ku
 idi
 kita (kita/engkau)

Contoh penggunaan dalam ayat:

iyya taroi ri lamari
Saya simpan di almari.

idi lao riolo
Kita jalan dulu.

mēllika bale
Beli saya ikan.

dek kujaji lao Kuala Lumpur
Tidak jadi aku ke Kuala Lumpur.

meloki lisu ri bolae
Kami mahu pulang di rumah.

b. Kata Ganti Diri Kedua

Contoh: *iko*
 engkau/awak/kau
 iko manēng
 kamu semua

Contoh penggunaan dalam ayat:

iko pattipu
Kau penipu.

dek gaga gunana iko maneng
Tidak ada gunanya kamu semua.

c. Kata Ganti Diri Ketiga

Contoh: *lisu manēng tauwe* (mereka / semua) *ni*
 Pulang semua mereka.

asěna
namanya
matindro i
tidur dia

Contoh penggunaan dalam ayat:

macca i maběle
Suka dia menipu.

asenna la Abu
Namanya si Abu.

tennia asenna
Bukan namanya.

Kata Kerja

Kata kerja ialah perkataan yang menjadi inti bagi binaan frasa kerja. Kata kerja boleh diketahui dengan mengamati bentuk morfologi, perilaku sintaksis dan perilaku semantik secara menyeluruh dalam ayat. Berdasarkan penelitian, golongan kata kerja bahasa Bugis dapat dibahagikan kepada kata kerja transitif dan kata kerja tak transitif.

a. Kata Kerja Transitif

Kata kerja transitif ialah kata kerja yang mengandungi objek yang terdiri daripada frasa nama untuk melengkapkan maksudnya tetapi penggunaannya adalah terhad. Kata kerja transitif dapat dibahagikan kepada kata kerja transitif aktif dan kata kerja transitif pasif.

Contoh kata kerja transitif aktif:

Ali se'mpe golo
Ali menendang bola.

Baco mabbaca bo
Bacok membaca buku.

Mubien pake' sapatu paggolo
Mubien memakai kasut bola.

Contoh kata kerja transitif pasif:

Goloe'nasempe i la Ali
Bola itu ditendang oleh si Ali.

boe'ro nabacai Baco
Buku itu dibaca oleh Bacok.

sapatu paggoloe'ronapake'i lamubien
Kasut bola itu dipakai oleh si Mubien.

b. Kata Kerja Tak Transitif

Kata kerja tak transitif ialah kata kerja yang tidak memerlukan penyambut atau objek sesudahnya. Kata kerja ini terbahagi kepada dua, iaitu kata kerja tak transitif berpelengkap dan kata kerja tak transitif tanpa pelengkap. Kata kerja tak transitif berpelengkap ialah kata kerja yang mesti diikuti oleh pelengkap untuk menyempurnakan maksud ayat. Unsur pelengkap ini hendaklah dibezakan daripada objek atau penyambut yang hadir selepas kata kerja transitif dan boleh pula mengalami pasif.

Contoh:

Ahmad monro ri Tawau
Ahmad tinggal di Tawau.

me'loi mancaji paccule'golo
Dia mahu jadi pemain bola sepak.

la Karim makkadang kaluku
Si Karim menjolok kelapa.

Kata kerja tak transitif tanpa pelengkap ialah kata kerja yang boleh berdiri sendiri tanpa objek atau penyambut.

Contoh:

tudang
duduk

matendro
tidur

tettong
berdiri

jokka
jalan

Contoh penggunaan dalam ayat:

La Ali matinro
Si Ali tidur.

aja mu terri
Jangan kau menangis.

ambo macca makke 'long
Ambo pandai menyanyi.

Kata Adjektif

Kata adjektif dipakai untuk mengungkapkan sifat atau keadaan orang, benda atau binatang.

Contoh:

macommo
gemuk

mapella
panas

makojo
kurus

mabolong
hitam

macella
merah

maridi
kuning

Contoh penggunaan dalam ayat:

otoe 'ro rupanna macella
Kereta itu warnanya merah.

wai ro mapella laddë
Air itu sangat panas.

manre mae 'ga watakkale', mancaji macommo
Makan banyak, menjadi gemuk.

KESIMPULAN

Bahasa Bugis merupakan salah satu daripada bahasa Nusantara yang termasuk ke dalam rumpun Austronesia Kumpulan Indonesia Tengah. Ini

berdasarkan sifat-sifat yang ada padanya yang sama dengan kebanyakan bahasa lain yang sekelompok dengannya. Bahasa Bugis menjadi satu daripada bahasa yang penting di Sulawesi Selatan. Di Malaysia, masyarakat Bugis bukanlah penduduk peribumi tetapi telah berhijrah ke negara ini. Orang Bugis yang berhijrah ke negeri Sabah kebanyakannya bermastautin dan menjadi warganegara Malaysia. Mereka menetap di persisiran pantai negeri Sabah seperti di Tawau, Kunak, Lahad Datu, dan Sandakan.

Penggunaan bahasa Bugis di Sabah terhad dalam lingkungan masyarakat Bugis sendiri. Bahasa Bugis mempunyai tulisan tangan yang tersendiri, iaitu *Lontara*. Huruf tulisan tangan Bugis adalah sebanyak 23. Penggunaannya di dalam ayat dibezakan dengan meletakkan titik atau bentuk seperti (L) pada huruf. Morfologi Bahasa Bugis menampakkan beberapa alomorf yang berfungsi sebagai penambah awalan, sisipan, atau akhiran. Alomorf bahasa Bugis berbeza dengan alomorf bahasa Melayu dari fitur-fitur fonemnya. Jika diteliti, alomorf bahasa Bugis ada persamaan dengan beberapa huruf lontara tetapi huruf lontara berfungsi pada fonem manakala alomorf berfungsi pada morfem. Selain itu, ciri fonologis dan fungsi sesuatu alomorf hampir sama dan mempunyai kawasan penyebaran tersendiri yang tidak boleh dimasuki oleh yang lain.

Golongan kata bahasa Bugis yang diutarakan dalam makalah ini terdiri daripada kata nama, kata kerja, dan kata adjektif. Kata nama am bahasa Bugis tidak jauh berbeza dengan bahasa Melayu termasuk tubuh badan, tumbuhan, dan arah mata angin. Demikian juga kata kerja dan kata adjektif. Contoh yang dipaparkan oleh penulis mudah dan selalu digunakan oleh orang Bugis generasi tua dan muda. Penulis membicarakan bahasa Bugis secara umum dengan tidak memilih perkataan bahasa Bugis dialek Bone, Palakka, Luwu, Indre kang, atau Pinrang.

Kebanyakan generasi muda masyarakat Bugis tidak fasih berbahasa Bugis. Hal ini kerana tidak terdapat banyak usaha untuk melestarikan bahasa tersebut dan tiada insentif diberi oleh pihak-pihak yang berkewajipan untuk menjalankan kajian mengenai bahasa Bugis. Di samping itu, bahasa Melayu lebih mudah digunakan dalam komunikasi lisan atau tulisan antara pelbagai etnik di Sabah.

RUJUKAN

- Asmah Hj. Omar, 1986. *Nahu Melayu Mutakhir (Edisi Baru)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
Ibrahim Ahmad, 1975. *Suatu Tinjauan Ringkas tentang Sistem Fonologi Bahasa*

- Bugis*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Harimurti Kridalaksana, 1993. *Kamus Linguistik*. Jakarta: PT Gramedia Pustaka Utama.
- <http://www.balipurnati.com/the-bali-purnati/publishing-i-lagaligo.htm> diakses pada 19.4.2006.
- <http://www.geekprime.com/blogs/sky/archive/2005/01/07/1148.aspx> diakses pada 19.4.2006.
- <http://www.omniglot.com/writing/lontara.htm> diakses pada 21.4.2006.
- Mills, R. F., 1975. *Proto South Sulawesi and Proto Austronesian Phonology*. Michigan: Ann Arbor.
- Mohd. Yusuf Md. Noor, 1997. *Salasilah Melayu dan Bugis*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti.
- Muhammad Salim dan Sapardi Djoko Damono, 2006. *Yayasan Bali Purnati*. <http://www.balipurnati.com>.
- Nik Safiah Karim *et al.*, 1996. *Tatabahasa Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Smith, E., 1983. *Language of Sabah*. Summer Institute of Linguistics Malaysia Branch: Kota Kinabalu.